KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
BAHAGIAN MATRIKULASI
MATRICULATION DIVISION
ARAS 6 & 7, BLOK E15, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8884 4083
Faks : 603-8884 4028
603-8888 6864
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPM.600-7/25/7 JLD.2 (46)
Tarikh: 4 Julai 2023

Pengarah
Kolej Matrikulasi Pahang
Kementerian Pendidikan Malaysia
26300 Gambang
Pahang

Tuan,

PERMOHONAN SEMAK SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SEMESTER PROGRAM MATRIKULASI (PSPM), SEMESTER II & IV, SESI 2022/2023

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat KPM.BM.S.600-7/18/2 Jld.10 (31) bertarikh 19 April 2023 adalah berkaitan.

2. Seperti mana yang pihak tuan sedia maklum, tarikh pengumuman keputusan PSPM, Semester II & IV, Sesi 2022/2023 adalah pada 7 Julai 2023. Oleh yang demikian, permohonan semak semula keputusan peperiksaan tersebut akan dibuka pada **7 hingga 20 Julai 2023**.

... 3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dilampirkan dokumen berkaitan permohonan semak semula keputusan PSPM, Semester II & IV, Sesi 2022/2023 untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya:

i. Takwim Pelaksanaan Semak Semula Keputusan PSPM dan Panduan Pengurusan Permohonan Semak Semula (untuk kegunaan Pegawai Peperiksaan kolej sahaja);
ii. Borang Permohonan Semak Semula Keputusan PSPM; dan
iii. Panduan Permohonan Semak Semula Keputusan PSPM.

4. Jasa baik pihak tuan dimohon agar dapat menyebar luas Borang Permohonan Semak Semula Keputusan dan Panduan Permohonan Semak Semula Keputusan PSPM kepada semua pelajar kolej tuan.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi Encik Hapiz bin Nordin di talian 03-8884 4018 atau e-mel hapiz@moe.gov.my.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(SHAHRIN BIN OSMAN)
Timbalan Pengarah

BAHAGIAN MATRIKULASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TAKWIM PELAKSANAAN SEMAK SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SEMESTER PROGRAM MATRIKULASI (PSPM), SEMESTER II & IV, SESI 2022/2023

PERKARA	TINDAKAN	KETERANGAN	TARIKH
Keputusan PSPM	Makluman	Pengumuman keputusan PSPM, Semester II & IV, Sesi 2022/2023.	7 Julai 2023
Permohonan Semak Semula Keputusan PSPM	Pemohon dan Pegawai Peperiksaan	Tempoh permohonan semak semula keputusan PSPM, Semester II & IV, Sesi 2022/2023. **Tarikh akhir penerimaan di peringkat kolej tertakluk kepada ketetapan pengurusan kolej masing-masing.*	7 hingga 20 Julai 2023 (sebelum jam 4.00 petang)
Skrip Jawapan Calon (SJC)	Pegawai Peperiksaan (bagi kolej berkaitan sahaja)	Cari dan serah SJC semak semula keputusan PSPM berdasarkan maklumat yang diterima daripada Bahagian Matrikulasi.	25 hingga 27 Julai 2023
Pemeriksaan SJC	Pemeriksa (bagi kolej berkaitan sahaja)	1. Pemeriksaan SJC.	28 Julai hingga 1 Ogos 2023
		2. Imbas dan hantar Borang Laporan Pemeriksaan Semak Semula melalui e-mel **peperiksaanbm@gmail.com**.	
		3. Hantar dokumen pemeriksaan semak semula (SJC dan Borang Laporan Pemeriksaan Semak Semula) ke bilik kebal/ bilik keselamatan.	
	Pegawai Peperiksaan	4. Hantar/ Pos Borang Laporan Pemeriksaan Semak Semula dan surat iringan ke Bahagian Matrikulasi.	2 Ogos 2023
Keputusan Semak Semula		Memaklumkan keputusan permohonan semak semula keputusan PSPM, Semester II & IV, Sesi 2022/2023, kepada pemohon melalui e-mel.	18 Ogos 2023

***Bukan untuk edaran pelajar**

BAHAGIAN MATRIKULASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PANDUAN PENGURUSAN PERMOHONAN SEMAK SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SEMESTER PROGRAM MATRIKULASI (PSPM) SEMESTER II & IV, SESI 2022/2023

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada Pegawai Peperiksaan dan Unit Akaun/ Kewangan Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengurus permohonan semak semula keputusan PSPM, Semester II & IV, Sesi 2022/2023.

1.2 Permohonan semak semula hanya bagi keputusan **PSPM**, **Semester II & IV, Sesi 2022/2023** dan hendaklah dibuat **melalui kolej masing-masing**.

1.3 Kadar bayaran bagi setiap kursus yang disemak semula adalah RM50.00 (tidak termasuk caj dan cukai berkuatkuasa bagi kiriman wang/ draf bank).

1.4 Tempoh permohonan bermula dari hari keputusan **PSPM**, **Semester II & IV, Sesi 2022/2023** diumumkan iaitu pada **7 hingga 20 Julai 2023**.

1.5 Sebarang permohonan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan diproses. **Tarikh akhir penerimaan di kolej tertakluk kepada ketetapan pengurusan kolej masing-masing.*

2.0 PENERIMAAN PERMOHONAN MELALUI SERAHAN TANGAN

2.1 Semak Borang Permohonan Semak Semula Keputusan yang dikemukakan pemohon untuk memastikan semua maklumat diisi dengan lengkap.

2.2 Kembalikan dokumen kepada pemohon sekiranya pemohon perlu membuat pembetulan pada borang.

2.3 Sekiranya borang permohonan lengkap, minta pemohon membuat bayaran di kaunter bayaran kolej untuk mendapatkan resit rasmi bayaran.

2.4 Terima borang permohonan dan salinan resit yang diserah oleh pemohon.

3.0 PENERIMAAN PERMOHONAN MELALUI KURIER

3.1 Terima borang permohonan dan kiriman wang/ draf bank.

3.2 Semak Borang Permohonan Semak Semula Keputusan dan kiriman wang/ draf bank yang dihantar pemohon untuk memastikan semua maklumat diisi dengan lengkap.

3.3 Hubungi pemohon sekiranya pemohon perlu membuat pembetulan pada borang atau kiriman wang/ draf bank.

3.4 Serah bayaran (kiriman wang/ draf bank) kepada Unit Kewangan/ Akaun kolej masing-masing.

3.5 Terima resit rasmi daripada Unit Akaun/ Kewangan kolej dan serah resit rasmi kepada pemohon.

4.0 PENERIMAAN BAYARAN OLEH UNIT AKAUN/ KEWANGAN KOLEJ

4.1 Terima bayaran dalam bentuk tunai/ kiriman wang/ draf bank daripada pemohon/ Pegawai Peperiksaan kolej.

4.2 Keluar resit rasmi bayaran dan serah kepada pemohon/ Pegawai Peperiksaan kolej.

5.0 PENUTUP

5.1 Isi maklumat pemohon pada pautan https://bit.ly/SemakSemulaPSPM.

5.2 Rekod penerimaan Borang Permohonan Semak Semula Keputusan pada **Lampiran 1.**

5.3 Hantar **Lampiran 1** kepada Bahagian Matrikulasi melalui e-mel atau surat.

5.4 Keputusan semak semula akan dihantar kepada pemohon melalui e-mel pada **18 Ogos 2023.**

5.5 Keputusan semak semula yang diumumkan adalah **muktamad** dan sebarang rayuan untuk semak semula keputusan **tidak akan dilayan.**

Lampiran 1

REKOD SERAHAN BORANG PERMOHONAN SEMAK SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SEMESTER PROGRAM MATRIKULASI (PSPM)
SEMESTER II DAN IV, SESI 2022/2023

ARAHAN:
1. Diisi oleh **pemohon/Pegawai Peperiksaan** sahaja.
2. Gunakan borang tambahan jika ruangan tidak mencukupi.

KOLEJ:_____ **SEMESTER:**_____ **SESI:**_____

BIL.	NAMA PEMOHON	NO. MATRIK	SM025	AM025	FQ025	DM025	SK025	EC025	DK024	SP025	EP025	DP024	SB025	DB024	SC025	DC024	AA025	FF025	FM025	FB025	AP025	AE025	EB025	EA025	EE025	EM025	JUMLAH BAYARAN	TANDA TANGAN PEMOHON & TARIKH SERAHAN

JUMLAH KESELURUHAN BAYARAN: _____

Disediakan oleh:

……

( )

Pegawai Peperiksaan

Tarikh:

Disahkan oleh:

……..

( )

Pengarah

Tarikh:

BMKPM/SS/PSPM1

Kemas kini 3 Julai 2023

BORANG PERMOHONAN SEMAK SEMULA KEPUTUSAN
PEPERIKSAAN SEMESTER PROGRAM MATRIKULASI (PSPM)
SEMESTER II & IV SESI 2022/2023

NAMA PENUH: _____

KOLEJ: _____ NO. KAD PENGENALAN: _____

NO. MATRIK: _____ NO. TELEFON: _____

E-MEL: _____

ALAMAT SURAT-MENYURAT: _____

_____

Tandakan **(√)** pada kursus yang ingin disemak semula:

BIL	KURSUS	KOD	RM	TANDAKAN √	CATATKAN GRED YANG DIPEROLEH
1	Mathematics 2	SM025	50		
2	Mathematics 2	AM025	50		
3	Mathematics 2	FQ025	50		
4	Mathematics 2	DM025	50		
5	Chemistry 2	SK025	50		
6	Chemistry 2	EC025	50		
7	Chemistry 2	DK024	50		
8	Physics 2	SP025	50		
9	Physics 2	EP025	50		
10	Physics 2	DP024	50		
11	Biology 2	SB025	50		
12	Biology 2	DB024	50		
13	Computer Science 2	SC025	50		
14	Computer Science 2	DC024	50		
15	Accounting 2	AA025	50		
16	Financial Accounting 2	FF025	50		
17	Management Accounting 2	FM025	50		
18	Business And Technology 2	FB025	50		
19	Pengurusan Perniagaan 2	AP025	50		
20	Ekonomi 2	AE025	50		
21	Basic Engineering 2	EB025	50		
22	Civil Engineering 2	EA025	50		
23	Electrical & Electronics Engineering 2	EE025	50		
24	Mechanical Engineering 2	EM025	50		

JUMLAH BAYARAN (Ringgit Malaysia): _____

**NOMBOR REMIT KIRIMAN WANG/ NOMBOR SIRI DRAF BANK:* _____

**TARIKH KIRIMAN WANG/ DRAF BANK DIKELUARKAN:* _____

TARIKH: _____ TANDATANGAN: _____

*__Rujuk lampiran *Panduan Pengisian Maklumat Pada Kiriman Wang/ Draf Bank*__

BAHAGIAN MATRIKULASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PANDUAN PERMOHONAN SEMAK SEMULA KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SEMESTER PROGRAM MATRIKULASI (PSPM) SEMESTER II & IV, SESI 2022/2023

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pelajar Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia yang ingin membuat permohonan semak semula keputusan PSPM, Semester II & IV, Sesi 2022/2023.

1.2 Permohonan semak semula hanya bagi keputusan **PSPM**, **Semester II & IV, Sesi 2022/2023** dan hendaklah dibuat **melalui kolej masing-masing**.

1.3 Kadar bayaran bagi setiap kursus yang disemak semula adalah RM50.00 (tidak termasuk caj dan cukai berkuatkuasa bagi kiriman wang/ draf bank).

1.4 Tempoh permohonan bermula dari hari keputusan **PSPM**, **Semester II & IV, Sesi 2022/2023** diumumkan iaitu pada **7 hingga 20 Julai 2023**.

1.5 Sebarang permohonan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan diproses.
**Tarikh akhir penerimaan di kolej tertakluk kepada ketetapan pengurusan kolej masing-masing.*

2.0 PENGISIAN BORANG PERMOHONAN SEMAK SEMULA KEPUTUSAN

2.1 Pemohon yang ingin memohon semak semula keputusan peperiksaan hendaklah mendapatkan Borang Permohonan Semak Semula Keputusan Peperiksaan (**BMKPM/SS/PSPM1**) di kolej.

2.2 Borang **BMKPM/SS/PSPM1** perlu diisi dengan lengkap dan disertakan dengan bayaran yang mencukupi.

3.0 KAEDAH PEMBAYARAN

3.1 Pembayaran boleh dibuat secara **tunai/ kiriman wang/ draf bank**.

3.2 Borang permohonan yang dibuat secara serahan tangan hendaklah disertakan bayaran secara tunai di kaunter bayaran kolej.

3.3 Borang permohonan yang dihantar secara kurier hendaklah dikepil bersama dengan kiriman wang/ draf bank.

3.4 Bayaran dalam bentuk cek peribadi **tidak akan diterima**.

3.5 Pembayaran yang menggunakan kiriman wang/ draf bank hendaklah dibuat atas nama **Pengarah Kolej Matrikulasi Pahang**.
***Sila rujuk Lampiran 1: Panduan Pengisian Maklumat Pada Kiriman Wang/ Draf Bank*

4.0 KAEDAH SERAHAN DOKUMEN PERMOHONAN SEMAK SEMULA BERSERTA BAYARAN

4.1 Serahan tangan

4.1.1 Hantar borang permohonan yang lengkap kepada Pegawai Peperiksaan kolej untuk semakan.

4.1.2 Buat pembetulan sekiranya borang tidak lengkap.

4.1.3 Sekiranya borang permohonan lengkap, serah bayaran di kaunter bayaran kolej untuk mendapatkan resit rasmi bayaran.

4.1.4 Serah borang permohonan dan salinan resit kepada Pegawai Peperiksaan kolej.

4.2 Penghantaran melalui kurier

4.2.1 Pembayaran yang menggunakan kiriman wang/ draf bank hendaklah **dikepilkan bersama-sama borang permohonan**.

4.2.2 Hantar borang permohonan dan kiriman wang/ draf bank **asal** dengan menggunakan **perkhidmatan kurier** (Pos Laju, DHL, GDex, City Link dll) ke alamat berikut:

En. Zakaria bin Bustamin
Kolej Matrikulasi Pahang
Kementerian Pendidikan Malaysia
26300 Gambang, Pahang

5.0 PENUTUP

5.1 Borang permohonan dan kiriman wang/ draf bank yang tidak diisi dengan lengkap atau bayaran tidak mencukupi **tidak akan diproses** dan akan dikembalikan semula kepada pemohon.

5.2 Pemohon disaran membuat salinan borang permohonan dan salinan kiriman wang/ draf bank untuk simpanan dan rujukan.

5.3 Keputusan semak semula akan dihantar kepada pemohon melalui e-mel pada **18 Ogos 2023.**

5.4 Keputusan semak semula yang diumumkan adalah **muktamad** dan **sebarang rayuan** untuk semak semula keputusan tidak akan dilayan.

Lampiran 1

PANDUAN PENGISIAN MAKLUMAT PADA KIRIMAN WANG

POS MALAYSIA

POS MALAYSIA BERHAD (229990-M)
PO KANGAR, JKR 751, JALAN PENJARA,
01000, KANGAR, PERLIS, MALAYSIA
Contact No :04-9761555

MONEY ORDER

Customer Copy

Acceptance Bank Stamp

Tran ID/ Invoice No : 2100036389

Remit No : 2313909991 8499

Date: 14/03/2023 - 12:00:57

1. TULIS **'PENGARAH KOLEJ MATRIKULASI PAHANG BERSERTA ALAMAT'** PADA RUANGAN MAKLUMAT PENERIMA

Name	:				
Address	:				
Membership No	:	ID No.	:		
Nationality	:	ID Type	:		
Contact No	:				

OUTWARD REMITTANCE PAYMENT DETAILS

Deposit Amount (MYR)	:	55.90
Net Service Charge (MYR)*	:	5.90
Sending Amount (MYR)**	:	50.00
Receive Amount (MYR)	:	50.00

RECEIVER'S DETAILS

Company Name	:	PENGARAH KOLEJ MATRIKULASI PAHANG			
Address	:	KOLEJ MATRIKULASI PAHANG KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA 26300 GAMBANG, PAHANG			
Contact No	:	0388844083	Relationship	:	Supplier
Purpose of Remittance	:	Government Sector	Source of Funds	:	Family Income

RECEIVING DETAILS

Receiving Mode	:	Cash Pickup
Bank/Agent	:	MALAYSIA CASH PICKUP
Address	:	
Contact No.	:	

Cash : 50.00 Bank : 0.00

I/We hereby confirm that the information given above are true, correct and accurate, and agree to be bound by Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia)'s terms and conditions which is available upon request. This transaction is subject to Pos Malaysia's Privacy Policy available at www.pos.com.my.
Please note that the sender is responsible for providing a copy of this Money Order to the recipient for payment purposes.

Issuance Branch Date Stamp

14.03.23 KANGAR PERLIS

Sender's Signature

NOR AIN BT AHMAD

Acceptance Branch Date Stamp
(For CLR use only)

2. JUMLAH BAYARAN = BILANGAN KOD KURSUS X RM50.00

PANDUAN PENGISIAN MAKLUMAT PADA DRAF BANK



1. TULIS **'PENGARAH KOLEJ MATRIKULASI PAHANG'** PADA RUANGAN BAYAR KEPADA

2. JUMLAH BAYARAN = BILANGAN KOD KURSUS X RM50.00